

POWER!

pengurusan wang ringgit anda

Diterbitkan oleh:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Aras 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Faks : 03-2616 7601 E-mel: enquiry@akpk.org.my

© AKPK
Edisi Pertama 2011

Hak cipta buku ini adalah milik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Buku ini atau mana-mana bahagiannya boleh diterbitkan semula, diterjemahkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dengan mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada AKPK dan hanya untuk tujuan pendidikan. Tiada sebarang bentuk keuntungan kewangan boleh diperolehi, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung daripada penerbitan semula seperti di atas.

ISBN 978-983-44004-3-9

Penafian:

Maklumat yang terkandung di dalam buku ini bertujuan untuk pendidikan semata-mata. Maklumat tersebut bukanlah pengganti kepada nasihat atau saranan yang mungkin anda terima daripada penasihat kewangan profesional.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menafikan sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak yang menggunakan maklumat di dalam buku ini sebagai asas untuk membuat sebarang keputusan atau tindakan.

Walaupun segala usaha telah dibuat untuk memastikan ketepatan maklumat di dalam buku ini, AKPK mengharapkan pemahaman anda sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau kekurangan.

Nama dan maklumat individu yang terkandung di dalam kisah benar telah diubah bagi melindungi identiti mereka.



Bab

4

MEMBELI
KERETA

Sebaik sahaja anda mula bekerja, salah satu keputusan penting yang anda akan ambil ialah membeli sebuah kereta. Walaupun kereta merupakan kaedah pengangkutan yang selesa, perlu diketahui bahawa memiliki sebuah kereta bukan setakat membayar ansuran bulanan sahaja. Ia juga melibatkan kos lain seperti petrol, bayaran tol, parkir kereta, cukai jalan, insurans, kos penyelenggaraan serta kos membaiki apabila kereta anda rosak.

Seandainya anda boleh membayar segala kos yang disebutkan tadi dengan selesa, anda masih perlu tanya diri anda sama ada kereta itu merupakan suatu keperluan ataupun kehendak.

KERETA BARU ATAU KERETA TERPAKAI

Apabila kereta adalah keperluan, anda perlu membuat keputusan sama ada ingin membeli kereta baru atau kereta terpakai. Ramai orang beranggapan bahawa membeli kereta baru adalah lebih baik kerana kos penyelenggaraannya lebih rendah tetapi pada hakikatnya, memiliki kereta baru juga ada kelemahannya. Lampiran 4.1 menunjukkan kebaikan dan keburukan kereta baru berbanding kereta terpakai

Ketika memutuskan jenis kereta yang diperlukan, anda hendaklah terlebih dahulu menilai kemampuan anda. Jika didapati membeli kereta baru boleh membebankan, belilah kereta terpakai yang masih berkeadaan baik. Lagipun, kereta hanya sebuah kenderaan yang membawa anda bergerak dari suatu tempat ke tempat yang lain





BIJAK MEMBELI KERETA

- Buat perbandingan untuk mendapatkan kereta yang boleh diharapkan dan memenuhi keperluan anda. Ada baiknya jika anda meminta nasihat daripada ahli keluarga atau sahabat
- Jika anda ingin membeli kereta terpakai, dapatkan khidmat mekanik yang boleh dipercayai atau lakukan pemeriksaan PUSPAKOM ke atas kereta tersebut
- Pertimbangkan harga jualan semula atau nilai tukar beli kereta sekiranya anda bercadang untuk menukarnya kelak
- Sekiranya anda mengambil keputusan untuk memohon pinjaman kereta, cari pakej terbaik berdasarkan kemampuan anda. Dapatkan maklumat mengenai kadar faedah efektif yang akan dikenakan
- Rangka bajet mengikut pendapatan anda. Ambil kira ansuran bulanan kereta dan lain-lain kos seperti kos petrol, bayaran tol, parkir kereta, perbelanjaan lain termasuk cukai jalan, insurans dan servis biasa
- Cuba tingkatkan tabungan untuk bayaran pendahuluan supaya pinjaman yang diambil lebih rendah dengan tempoh pembayaran yang lebih singkat. Perlu dingatkan bahawa semakin panjang tempoh pinjaman, semakin banyak faedah yang anda perlu bayar. Ini mungkin akan menyukarkan anda untuk menjual kereta tersebut kerana nilai pasaran kereta jauh lebih rendah berbanding dengan baki pinjaman
- Jangan gunakan kad kredit untuk membuat bayaran pendahuluan kerana anda akan terikat dengan pinjaman pada kadar faedah yang sangat tinggi
- Bersedia untuk menanggung perbelanjaan di luar dugaan seperti membaiki kereta sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan. Ada baiknya untuk mengetahui tentang kemudahan mendapat alat ganti serta kos untuk menggantikannya
- Pastikan kereta anda mempunyai perlindungan insurans komprehensif yang mencukupi atau sekurang-kurangnya mempunyai perlindungan insurans pihak ketiga

BAGAIMANA MEMBIAYAI KERETA SAYA?

Lazimnya, orang akan membeli kereta dengan menggunakan pinjaman sewa beli.

Sewa beli adalah penyewaan barangan dengan pilihan untuk membelinya pada akhir tempoh pinjaman

Dengan mengambil pinjaman sewa beli, anda akan dikenali sebagai penyewa dan institusi kewangan yang memberi pembiayaan sebagai tuan punya kenderaan. Sebagai penyewa, anda perlu membuat bayaran ansuran berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui dibawah perjanjian sewa beli. Setelah semua bayaran ansuran dijelaskan, hak milik kereta tersebut akan dipindahkan kepada anda.



BERAPAKAH KEMAMPUAN SAYA?

Kadar faedah untuk pinjaman kereta biasanya dikira berasaskan **kadar sama rata**. Mengikut Akta Sewa Beli 1967, kadar faedah maksimum yang dibenarkan ialah 10% setahun. Kiraan faedah adalah berdasarkan faedah atas jumlah pokok untuk sepanjang tempoh pinjaman sewa beli.

Pengiraannya boleh dilihat di dalam contoh berikut:

Harga kereta	= RM50,000
Bayaran pendahuluan @ 10%	= RM5,000
Jumlah pinjaman sewa beli	= RM45,000
Kadar faedah (Kadar sama rata)	= 5% setahun
Tempoh pinjaman	= 5 tahun (60 bulan)

Pengiraan:

Jumlah faedah yang dikenakan

$$\begin{aligned} &= \text{Jumlah pinjaman} \times \text{Kadar} \times \text{Tahun} \\ &= \text{RM}45,000 \times 5\% \times 5 \\ &= \text{RM}11,250 \end{aligned}$$

Jumlah pinjaman + Faedah

$$\begin{aligned} &= \text{RM}45,000 + \text{RM}11,250 \\ &= \text{RM}56,250 \end{aligned}$$

Jumlah ansuran bulanan

$$\begin{aligned} &= \text{RM}56,250 \div 60 \text{ bulan} \\ &= \text{RM}938 \end{aligned}$$



Untuk melihat perbandingan senario yang berlainan, sila rujuk Lampiran 4.2

Ansuran bulanan yang perlu dibayar ialah RM938 sebulan. Untuk mengetahui sama ada anda mampu membayar ansuran tersebut, gunakan formula berikut untuk memperoleh pendapatan bulanan minimum yang anda perlukan. Pengiraan jumlah pendapatan minimum ini atas andaian bahawa anda tidak ada ansuran lain.

Jika anda mempunyai pinjaman lain, pastikan jumlah ansuran kesemua pinjaman tidak melebihi 40% daripada pendapatan kasar bulanan anda.



Pendapatan kasar bulanan

= Bayaran ansuran bulanan kereta \div 40%

= RM938 \div 40%

= RM2,345

Dengan pendapatan RM2,345 tanpa komitmen pinjaman yang lain, anda mampu membayar ansuran tersebut. Walau bagaimanapun anda masih perlu mengambil kira perbelanjaan berkaitan yang ditunjukkan di bawah.

Kos tetap		RM/ Bulan	Catatan
1	Bayaran Ansuran (dibundarkan)	938	RM45K @ 5% selama 5 tahun
2	Insurans	125	RM1,500 setahun/12 bulan
3	Cukai Jalan	8	RM90 setahun/12 bulan
	Jumlah kecil	1,071	
Kos boleh ubah			
1	Petrol	225	Andaian RM0.15/km x 50km/hari x 30 hari
2	Servis dan Penyelenggaraan	100	Berdasarkan anggaran
3	Parkir / Tol dsb	100	Berdasarkan anggaran
	Jumlah kecil	425	
JUMLAH		1,496	

Ilustrasi di atas tidak mengambil kira susut nilai kereta dan kos pembaikan.

Kiraan di atas menunjukkan bahawa kos memiliki kereta tersebut adalah jauh melebihi bayaran ansuran bulanan yang berjumlah RM938 sebulan.

BERAPAKAH KADAR FAEDAH SEBENAR YANG DIKENAKAN?

Selalunya pinjaman sewa beli berdasarkan pada kadar sama rata dan ini menjadikannya lebih mahal. Seperti contohnya tadi, pada kadar faedah sewa beli 5% setahun, kadar faedah efektifnya ialah 9.55% setahun!

Ini disebabkan faedah yang dikira adalah atas jumlah pinjaman permulaan (RM45,000) bagi keseluruhan tempoh pinjaman (5 tahun). Pengiraan berdasarkan kadar sama rata tidak mengambil kira bayaran balik bulanan sebagai asas untuk mengurangkan jumlah pokok.

Sebaik-baiknya cuba pastikan tempoh pinjaman tidak melebihi 5 tahun. Jika anda mengambil tempoh pinjaman yang lebih panjang dan bercadang untuk bertukar kereta, anda mungkin mendapati bahawa jumlah pinjaman yang perlu dijelaskan melebihi nilai pasaran kereta tersebut.

PENYELESAIAN AWAL

Anda berhak mendapat rebat ke atas faedah jika anda memilih untuk menyelesaikan lebih awal baki hutang di bawah perjanjian pinjaman sewa beli. Ini berdasarkan kiraan mengikut formula 'Peraturan 78' di mana sebahagian besar daripada faedah dikenakan adalah pada peringkat awal pinjaman. Walau bagaimanapun, anda mungkin dikenakan bayaran atau penalti bagi penyelesaian awal.

Jika anda memutuskan untuk menjual kereta semasa tempoh pinjaman, anda perlu:

- Periksa jumlah penebusan dengan pihak pembiaya
- Periksa nilai pasaran kereta
- Bersedia untuk menjelaskan baki pinjaman, jika ada, sebelum memindahkan hak milik atau menjual kenderaan kepada orang lain

'Jualan' yang bukan sebenarnya jualan

Usia : 33 tahun
Pekerjaan : Operator Kilang
Status Perkahwinan : Berkahwin

Salleh telah membeli sebuah kereta bernilai RM60,000 dengan menggunakan pinjaman sewa beli. Jumlah gaji termasuk elaun kerja lebih masanya yang agak lumayan membolehkan dia membayar pinjaman sewa beli tersebut dengan selesa.

Tidak beberapa lama kemudian, Salleh telah hilang pekerjaan kerana syarikat telah mengecilkan saiz operasinya. Salleh menganggur hampir setahun dan terpaksa menggunakan tabungannya untuk menampung perbelanjaan harian dan juga membayar ansuran keretanya. Akhirnya, dia tidak mampu lagi dan mengambil keputusan untuk menjual keretanya.

Salleh memaklumkan kepada kawannya Ahmad bahawa dia ingin menjual kereta tersebut ekoran keadaan kewangan yang semakin meruncing. Ahmad telah menawarkan untuk 'membeli' kereta tersebut dan bersetuju menyambung pembayaran ansuran pinjaman sewa belinya di mana baki pinjaman adalah RM40,000. Di samping itu, Ahmad juga menawarkan untuk membayar RM1,000 tunai. Salleh yang sedang dalam kesempitan kewangan bersetuju dan terus menyerahkan kunci keretanya kepada Ahmad.

Selepas setahun, Salleh menerima surat peringatan daripada pihak bank kerana kegagalan membayar ansuran pinjaman sewa belinya. Salleh merasa hairan dan cuba menghubungi Ahmad tetapi gagal. Malangnya, kawan berserta keretanya juga tidak dapat dikesan. Oleh kerana baki pinjaman telah mencecah lebih daripada RM30,000, Salleh telah diberi notis kebangkrapan oleh pihak bank tersebut.

Salleh merasa bimbang dan memaklumkan pegawai bank bahawa dia sebenarnya telah 'menjual' keretanya kepada Ahmad. Pegawai bank sebaliknya menjelaskan penyewa tidak boleh menjual keretanya kepada pihak ketiga selagi belum menjelaskan pinjaman dengan sepenuhnya. Salleh cemas dengan penjelasan itu dan terkejut kerana dia masih bertanggungjawab ke atas pinjaman tersebut. Sekarang Salleh tidak tahu apa yang perlu dilakukannya dan tertanya-tanya bagaimana hendak menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapinya ini. Untuk mengelak tindakan kebangkrapan, Salleh telah mendapatkan bantuan AKPK.

Apabila anda menjual kereta dalam tempoh pinjaman sewa beli, pastikan baki pinjaman telah dijelaskan sepenuhnya sebelum memindahkan hak milik kereta. Anda bertanggungjawab ke atas baki pinjaman selagi pinjaman sewa beli masih di bawah nama anda

PERKARA LAIN YANG PERLU DIAWASI

Caj bayaran lewat

Mengikut Akta Sewa Beli 1967, caj bayaran lewat maksimum terhadap ansuran tertunggak yang dikira setiap hari ialah 8% setahun. Oleh itu disarankan anda membayar ansuran sewa beli sebelum tarikh akhir pembayaran bagi mengelak caj bayaran lewat dan penarikan balik kereta anda.

Klausa penarikan balik

Institusi kewangan boleh menarik balik kereta dalam keadaan berikut:

- Apabila penyewa gagal membayar 2 ansuran berturut-turut atau ansuran terakhir; atau
- Sekiranya penyewa meninggal dunia dan ansuran tidak berbayar selama 4 bulan berturut-turut

Penyewa dikehendaki membayar kos penarikan balik dan kos penyimpanan disamping pembayaran ansuran tertunggak dan caj bayaran lewat untuk menuntut semula kereta tersebut.

Sila rujuk Lampiran 4.3 untuk memahami proses penarikan balik dan apa yang boleh anda buat sekiranya anda terperangkap dalam situasi sedemikian.



Rumusan **POWER!**

- **Jika anda perlu membeli kereta, dapatkan jumlah pinjaman yang anda mampu bayar**
- **Memiliki kereta melibatkan perbelanjaan tambahan selain dari pembayaran ansuran bulanannya**
- **Pastikan anda membayar ansuran kereta tepat pada masanya untuk mengelakkan bayaran penalti ataupun lebih teruk lagi, kereta anda ditarik**
- **Untuk mendapat nilai maksimum kereta yang dibeli, adalah bijak untuk mengambil jumlah pinjaman yang lebih kecil dengan tempoh bayaran balik yang lebih singkat**
- **Jika anda menjual kereta, pastikan semua pinjaman dijelaskan sebelum hak milik kereta dipindahkan kepada pembeli baru**



Senarai Semakan

- Adakah anda memerlukan sebuah kereta? Kenapa tidak sahaja guna pengangkutan awam?
- Jika anda memiliki kereta, bolehkah anda senaraikan kos penyelenggaraan bulanan/tahunan kenderaan tersebut?
- Adakah anda tahu kadar efektif yang dikenakan ke atas pinjaman sewa beli anda?
- Adakah anda tahu nilai pasaran kereta anda?

PENILAIAN DIRI

1. Sebelum membeli kereta, adalah penting bagi anda untuk _____
 - a. membuat perbandingan tentang pakej pinjaman sewa beli yang terbaik
 - b. memahami bahawa anda adalah PENYEWA sahaja sehingga pinjaman dijelaskan sepenuhnya dan bank berhak untuk menarik balik kereta tersebut sekiranya anda gagal menjelaskan bayaran bulanan
 - c. mengambil kira kos lain yang terlibat seperti bayaran bulanan, petrol, parkir, cukai jalan dan penyelenggaraan
 - d. kesemua di atas

2. Berdasarkan Akta Sewabeli 1967, anda tidak dibenarkan menjual atau memindah milik kenderaan tersebut kepada pihak ketiga tanpa kebenaran dari _____ anda.
 - a. institusi kewangan
 - b. syarikat insurans
 - c. penjual kereta
 - d. agen

3. Apabila anda mengambil pinjaman kereta, anda perlu _____
 - a. terima sahaja perjanjian tanpa tandatangan
 - b. abaikan isi kandungan perjanjian pinjaman anda
 - c. menandatangani borang kosong atau yang tidak lengkap
 - d. mengetahui hak anda seperti diperuntukkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan undang-undang lain yang berkaitan

4. Salah satu daripada berikut BUKAN berkaitan dengan pinjaman sewabeli:
 - a. Kadar faedah biasanya berasaskan kadar tetap
 - b. Pihak bank berhak menarik balik kereta tersebut sekiranya anda gagal menjelaskan ansuran bulanan
 - c. Anda boleh memindah hak kepada pihak ketiga walaupun pinjaman belum dijelaskan sepenuhnya
 - d. Tiada di atas

5. Jika anda gagal/ingkar membayar ansuran kereta selama dua bulan berturut-turut, maka pihak bank boleh _____
- meminta anda membayar faedah yang rendah
 - abaikan anda
 - menarik balik kereta anda
 - dapatkan 'Ah Long' untuk berunding dengan anda
6. Berikut adalah kelebihan membeli kereta baru berbanding kereta terpakai, KECUALI:
- Tidak perlu bimbang tentang latar belakang penggunaannya
 - Kos penyelenggaraan tinggi
 - Margin pembiayaan tinggi
 - Kadar faedah rendah
7. Berikut adalah kenyataan yang BENAR tentang proses penarikan balik kenderaan KECUALI:
- Pihak bank akan mengeluarkan notis Jadual Keempat kepada peminjam yang menyatakan hasrat untuk menarik kenderaan dalam tempoh 21 hari sekiranya tiada penyelesaian penuh dibuat
 - Selepas Jadual Keempat, pihak bank akan mengeluarkan Notis Kedua kepada peminjam dengan tambahan masa selama 14 hari dari tarikh notis Jadual Keempat
 - Kos penyimpanan dan penarikan kenderaan akan ditanggung oleh pihak bank
 - Tindakan selanjutnya yang boleh dilakukan oleh peminjam akibat tindakan penarikan balik kenderaan oleh pihak bank adalah dinyatakan dalam Jadual Kelima